



**SEMBAH ALU-ALUAN**

**YANG BERHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,  
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN  
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN  
TAHUN 1446 HIJRAH / 2025 MASIHI**

**HARI KHAMIS (MALAM JUMAAT),  
26HB SYAWAL 1446H / 24HB MEI 2025M  
(MALAM KETIGA)**

**BERTEMPAT,  
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,  
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ،  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu-ribu Ampun,

*AlhamduLillah wasysyukruLillah* dan dengan izin-Nya jua majlis yang bekeberkatan dengan sulaman suci ayat-ayat Al-Qur'an yang ditilawahkan, zikir dan selawat yang dinashid-kasidahkan, dan diserikan lagi dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik yang sangat dijunjung tinggi, yang seterusnya akan mengurniakan titah yang mengilhamkan dan seterusnya berkenan menganugerahkan hadiah-hadiah yang akan menjadi ristaan baik kepada pemenang dan peserta-peserta musabaqah dan kepada sekumpulan qari' dan qari'ah undangan dari Malaysia iaitu sebuah keluarga contoh pencinta Al-Qur'an menjadi qari' dan qari'ah yang berjaya dalam musabaqah-musabaqah tilawah di dalam dan di luar negeri.

Maka hamba Kebawah Duli Tuan Patik beserta sekalian Penasihat-Penasihat dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi bersama dengan rakan-rakan dan sahabat-sahabat dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga dari Syarikat Pemasaran Brunei Shell (Brunei Shell Marketing Company) yang menjadi pengajur bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama, adalah dengan

penuh hormat lagi ta'zim menjunjung ampun menyembahkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik, dengan iringan do'a semoga Kebawah Duli Tuan Patik beserta Ahli-Ahli Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa sihat dan bahagia, dalam sinar nur hidayah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* beserta 'inayah perlindungan-Nya, berkat pahala ibadat dan amal soleh berkebajikan dunia dan akhirat. *Allahumma aamiin Ya! Rab al-'Aalamiin.*

### *Ampun Beribu-ribu Ampun -*

Disembahkan bahawa ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacakan dalam musabaqah tahun ini ialah sebahagian daripada ayat-ayat surah Saba' dan surah Fathir. Kedua-duanya dalam juzu' 22. Setelah ditilawahkan disusuli dengan penyampaian 'ibrah atau pengajaran yang dipetik daripadanya.

Alhamdulillah, 'ibrah telah disampaikan dengan baik oleh enam orang pegawai muda dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada umumnya, 'ibrah atau pengajaran daripada ayat-ayat yang ditilawahkan oleh peserta-peserta musabaqah adalah mengilham dan menginsafkan untuk menjadi pegangan keugamaan dalam kehidupan individu, berkeluarga, bermasyarakat dan berpemerintahan dan bernegara, yang memandu dan mendorong ke arah kehidupan yang selamat dan sejahtera, berjaya dan cemerlang, baik dan seimbang bagi dunia dan akhirat.

Intipatinya ialah dalam kehidupan individu, berkeluarga, bermasyarakat, bernegara dan berpemerintahan hendaklah beriman dengan hanya bertuhankan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan dengan mensyukuri ne'mat-ne'mat yang dilimpahkan-Nya: iaitu menggunakan ne'mat yang diberikan Allah dengan sebaik-baiknya untuk mendapatkan nilai tambah seperti yang Allah janjikan. Dan tidak mengkufuri ne'mat iaitu mensia-siakannya dan menyalah-gunakannya yang akan menyebabkan ne'mat akan hilang dan mendatangkan penderitaan di dunia dan di akhirat, seperti yang Allah peringatkan dalam Surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لِئِنْ شَكَرْتُمْ لَا زِيَادَنَّكُمْ وَلِئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

**Tafsirnya:** *Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni'matKu) tentu Aku akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka sesungguhnya azabKu sangat keras".*

*Ampun beribu-ribu ampun -*

Seterusnya disebutkan. Sesungguhnya musabaqah-musabaqah yang diadakan sangat merangsang minat mendengar ayat-ayat Al-Qur'an dibacakan dan seterusnya menimbulkan kemahiran untuk belajar dan pandai membaca Al-Qur'an sambil berusaha juga memahami makna dan memetik pengajarannya.

Dalam hubungan ini hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun menyembahkan bahawa pada masa ini sudah terdapat pusat-pusat mengajarkan al-Qur'an bagi orang ramai peringkat dewasa anjuran pihak-pihak swasta. Semantara di masjid-masjid pula memang tersedia kemudahan bagi kanak-kanak atau murid-murid belajar *muqaddam* dan membaca al-Qur'an setiap pagi Jumaat.

Bilangan keramaian kanak-kanak dan murid-murid yang dihantar oleh ibu bapa atau keluarga mereka belajar *muqaddam* dan Al-Qur'an di masjid-masjid seluruh daerah adalah terus meningkat. Misalnya sehingga pada bulan Februari tahun 2024 ada seramai 14,399 orang, dan menurut data keramaianya pada bulan Februari tahun 2025 ini ada seramai 14,963 orang iaitu meningkat seramai 564 orang.

Oleh itu dapat dikatakan bahawa membaca Al-Qur'an adalah terus menerus dipelajari termasuk secara non formal di luar sistem persekolahan diperingkat kanak-kanak dan murid bahkan bagi orang-orang dewasa. Ini adalah menandakan suatu yang sangat positif di mana negara kita berada pada landasannya yang betul ke arah melahirkan rakayt dan penduduk yang celik al-Qur'an. *Alhamdulillah.*

Maka dalam konteks tema Musabaqah tahun ini ***Akal Sihat Dengan Al-Qur'an*** kita bolehlah beranggapan bahawa majoriti rakyat dan penduduk khasnya generasi kita sekarang dan akan datang itu adalah individu-individu yang sihat akalnya berkat celik Al-Qur'an, pandai dan melazimi membaca Al-Qur'an yang seterusnya berusaha memahami dan mengambil pengajaran daripadanya.

Dengan itu mereka adalah dikirakan akan terpelihara atau terlepas daripada mengalami gejala mental yang memerlukan dirawat dengan pendekatan kerohanian disampung rawatan ilmiah perubatan dan kesihatan yang konvensional. Sebaliknya mereka telah mempersiapkan diri untuk tetap berakal sihat dengan berkat membaca dan melazimi bacaan al-Qur'an, tambahan pula sambil berusaha memahami makna dan dengan akal yang sihat dapat memetik pengajaran atau '*ibrah*' untuk tidak sahaja berakal sihat bahkan memelihara diri dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat. Seperti yang Allah Ta'ala firmankan dalam ayat 57, Surah Yunus:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتُكُم مَوْعِظَةٌ مِن رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الْأَصْدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾

**Tafsirnya:** *Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu (al-Quran yang menjadi) pengajaran dari Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi (penyakit batin) yang ada di dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang-orang beriman.*

Dan dalam Surah al-Isra' ayat 82;

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

**Tafsirnya:** "Dan Kami menurunkan daripada al-Quran suatu penawar (bagi penyakit rohani dan jasmani) dan rahmat bagi orang-orang yang beriman, dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim (orang-orang kafir) selain kerugian".

### *Ampun Beribu Ampun –*

Demikianlah disembahkan. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung ampun kiranya terdapat suruk langkah dan tutur kata yang janggal.

Maka mengakhiri sembah alu-aluan ini hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan bagi menyembahkan sembah junjung kasih kehadapan majlis Paduka-Paduka Anaknda Kebawah Duli Tuan Patik yang berkenan berangkat ke Majlis malam ini:

- Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Demikian juga sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Bendahara  
Seri Maharaja Permaisuara  
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal  
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Dan juga sembah junjung kasih atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia  
Pengiran-Pengiran Cheteria,

Ucapan terima kasih atas kehadiran:

- Yang Berhormat  
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat  
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat iaitu Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Ugama Islam dan Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Mulia, Timbalan-Timbalan Menteri,
- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya,
- Tuan Yang Terutama, Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,

Dan seterusnya terima kasih kepada hadirian dan hadirat, kepada penyumbang-penyumbang hadiah kepada pemenenag dan peseta musabaqah, serta cendera hati kenangan dan buah tangan kepada sekalian hadirin. Sesungguhnya sekaliannya telah menjayakan majlis musabaqah ini dengan ikhlas dan akan menjadikan kenangan baik.

Semoga amal soleh kita akan dinilai tinggi oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan ganjaran pahala dan ampun redha-Nya.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Daraina 8, Simpang 530,  
Km 13 Jalan Kota Batu,  
BD 2517, Brunei Muara.  
24hb Syawal 1446H / 23hb April 2025M